

**Usaha Perangi Rasuah Tunjuk Hasil Positif - Muhyiddin
Mstar Online
08 Oktober, 2012
Oleh REGINA LEE**

KUALA LUMPUR: Inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menghapuskan rasuah menunjukkan hasil yang positif dan ketara, selain berkesan dalam memenangi hati dan minda rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, satu kajian dijalankan oleh *Transparency International* pada tahun lepas, menunjukkan bahawa 49 peratus rakyat Malaysia berpendapat usaha kerajaan dalam membanteras rasuah adalah berkesan, berbanding hanya 29 peratus pada 2009.

"Saya pasti jika diberikan masa, Malaysia akan berjaya memerangi rasuah, dan meningkatkan lagi persepsi orang ramai terhadap usaha-usaha kerajaan terhadap anti-rasuah," katanya semasa menutup Mesyuarat Agung dan Persidangan Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) di sini.

Antara inisiatif dan pembaharuan yang diperkenalkan oleh kerajaan termasuk Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, mahkamah khas rasuah dan pelaksanaan pakatan integriti.

Beliau berkata, nama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini digunakan oleh Kedutaan Amerika Syarikat (AS) untuk memastikan individu rasuah dikeluarkan visa untuk masuk ke negara itu.

Muhyiddin berkata: "rasuah merupakan musuh global yang boleh merosakkan negara-negara kaya dan miskin, serta boleh menjejaskan komitmen Malaysia dalam mengekalkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial."

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/10/8/mstar_berita/20121007175908&sec=mstar_berita